



KENYATAAN MEDIA

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI CO-OPBANK PERSATUAN 2018

1. Co-opbank Persatuan (CBP) telah mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri 2018 yang dihadiri oleh Pengerusi CBP, Tuan Haji Kamari Zaman Bin Juhari serta Anggota Lembaga dan Pengurusan. Kira-kira 900 tetamu dari seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya serta Shah Alam hadir di Rumah Terbuka Aidilfitri yang berlangsung pada 4 Julai 2018 bersamaan 20 Syawal 1439H di Dewan Rafflesia D'Saji Kuala Lumpur, Titiwangsa bermula jam 11.00 pagi hingga 3.00 petang.

2. Acara tahunan ini dihadiri oleh para tetamu yang terdiri daripada rakan niaga serta para pelanggan CBP seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan sebagainya.

3. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menghargai serta meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama para tetamu sentiasa memberi sokongan kepada CBP disamping mengeratkan hubungan silaturahim yang terjalin.

4. Para tetamu disajikan dengan pelbagai menu termasuk masakan tradisional. Ahli Lembaga serta pihak pengurusan CBP turut bersama-sama beramah mesra dengan tetamu sepanjang majlis berlangsung.
5. Rumah Terbuka Aidilfitri CBP 2018 turut diserikan lagi dengan agihan zakat zakat perniagaan CBP 2017 sebanyak RM6,250.00 kepada 25 orang golongan asnaf tediri daripada fakir dan miskin dari Jabatan Kemajuan Masyarakat Kuala Lumpur.
6. Pada majlis ini juga diadakan penyampaian hadiah untuk cabutan bertuah ‘Kempen Pendidikan dan Kesihatan’ bagi produk Pembiayaan-i Persendirian Lestari yang telah berlangsung dari April hingga Jun 2018 yang berupa Bar Emas kepada lima (5) pemenang bertuah serta wang tunai kepada pemenang hadiah saguhati dengan jumlah keseluruhan RM26,000.00.

~~Tamat~~